

24 MAY 2001

Pembangkok-Anwar

PEMBANGKOK TEMUI DR MAHATHIR BINCANG RAWATAN ANWAR

PUTRAJAYA, 24 Mei (Bernama) -- Tiga wakil parti pembangkang yang diketuai Presiden PAS Datuk Fadzil Noor hari ini mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri untuk membincangkan rawatan sakit tulang belakang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pertemuan kira-kira 50 minit itu diadakan di pejabat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Dua lagi wakil pembangkang yang hadir ialah Naib Pengerusi DAP Dr Tan Seng Giaw dan anggota Majlis Tertinggi Parti Keadilan Nasional Abdul Rahman Yusof.

Fadzil yang ditemui pemberita selepas pertemuan itu, berkata pembangkang telah meminta Dr Mahathir menimbang semula keputusan kerajaan untuk tidak membenarkan Anwar mendapatkan rawatan pembedahan tulang belakang secara mikro endoskopik oleh Dr Thomas Hoogland di kliniknya di Jerman.

"Keputusan yang diberitahu kepada kita oleh Perdana Menteri ialah keputusan kerajaan itu adalah muktamad iaitu Datuk Seri Anwar tidak boleh dibenarkan untuk pergi membuat pembedahan di luar negara walau di mana-mana pun," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun menyatakan bahawa Anwar boleh memilih mana-mana pusat rawatan untuk pembedahannya di dalam negara dan beliau yakin pembedahan itu boleh dilakukan dalam negara, katanya.

Fadzil berkata beliau akan memberitahu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengenai hasil perbincangan itu dan terserah kepada keluarga Anwar untuk membuat keputusan.

Anwar yang sedang menjalani hukuman penjara 15 tahun kerana kesalahan rasuah dan liwat, telah menjalani rawatan dan pemeriksaan sakit tulang belakangnya di Hospital Kuala Lumpur (HKL) lebih lima bulan dari 25 Nov tahun lepas hingga 2 Mei lepas.

Selepas menolak cadangan kerajaan supaya menjalani pembedahan di HKL, beliau kembali ditempatkan di Penjara Sungai Buloh dan menerima rawatan secara konvensional.

-- BERNAMA

HS ZS RON